

KANDUNGAN CONTENTS

LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA MALYSIAN FORESTRY RESEARCH AND DEVELOPMENT BOARD

- 2 Laporan Pengerusi *Chairman's Report* 5 Ahli Lembaga *Board Members*
6 Ahli Lembaga MFRDB *MFRDB Board Members* 7 Jawatankuasa Kewangan dan
Perjawatan (JKKP) *Finance and Establishment Committee*
8 Jawatankuasa Audit *Audit Committee*

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA FOREST RESEARCH INSTITUTE MALAYSIA

- 10 Laporan Ketua Pengarah *Director General's Report* 13 Ahli Direktorat *Directorate Members* 16 Carta Organisasi FRIM *FRIM Organisational Chart*
17 Slogan Kualiti *Quality Slogan* Visi *Vision* Misi *Mission* Objektif *Objectives*
18 Fungsi *Functions* Piagam Pelanggan *Clients' Charter* Dasar Kualiti *Quality Policy*
19 Penyelidikan dan Pembangunan *Research and Development* 35 Herbarium FRIM dan
Taman Botani Kepong *FRIM Herbarium and the Kepong Botanic Gardens*
38 Petunjuk Prestasi Utama *Key Performance Indicators* 40 Anugerah dan Pelantikan *Awards and Appointments* 45 Pemindahan Teknologi *Technology Transfer*
49 Khidmat Perundingan *Consultancy Services* 51 Perjawatan *Establishment* 55 Latihan *Training*
57 Hari Anugerah dan Ulang Tahun Ke-21 FRIM *FRIM's Awards Day and 21st Anniversary*
66 Peristiwa Lain *Other Events* 71 Lawatan Rasmi *Official Visits*
72 Kewangan *Finance* 76 Pegawai *Officers* 90 Penerbitan *Publications*
123 Dana Penyelidikan dan Pembangunan *Funding for Research and Development*



LAPORAN Pengerusi

CHAIRMAN'S REPORT

LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA
MALAYSIAN FORESTRY RESEARCH AND DEVELOPMENT BOARD

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.B. Dato' Seri Azmi Khalid, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) Malaysia yang telah melantik saya selaku Pengerusi MFRDB bagi tempoh dua tahun, berkuat kuasa 1 Jun 2006. Saya teruja untuk bekerja sama dengan kesemua ahli lembaga. Tiada sebarang pertukaran dalam keahlian lembaga pada tahun 2006, kecuali ahli lembaga baru kita yang mewakili Persatuan Industri Kayu-Kayan Malaysia.

Selaku Pengerusi MFRDB serta Ketua Setiausaha NRE, saya sangat gembira dengan pencapaian FRIM pada 2006, yang turut memberi sumbangan yang signifikan kepada Kementerian. FRIM diiktiraf dan dihormati oleh institusi penyelidikan yang berkaitan di seluruh dunia. Para saintis FRIM telah berjaya merangkul pelbagai anugerah kehormatan dan juga saintifik baik di peringkat kebangsaan, mahupun di peringkat antarabangsa. Ini merupakan satu pencapaian yang terpuji.

Saya menghargai prestasi FRIM yang begitu menonjol dalam bidang penyelidikan perhutanan dan hasil bukan hutan, yang terus menjadi teras utama aktiviti institut ini. Bagaimanapun, dari segi pengkomersialan hasil dan penemuan R&D, masih ada ruang untuk penambahbaikan. Apabila hendak menjalankan sesuatu projek, usaha perlulah diambil untuk memasukkan rakan kongsi daripada pihak industri. Usaha ini adalah untuk menyediakan pemindahan teknologi oleh pihak industri. Kerjasama yang lebih rapat dengan pihak industri perlulah diwujudkan.

R&D FRIM seharusnya terus mencari kemungkinan untuk memaksimumkan penggunaan spesies kayu. Pendekatan seumpama ini akan dapat mengurangkan tekanan pembalakan secara berleluasa di hutan semula jadi kita. Kayu, yang boleh digunakan untuk menghasilkan produk yang mempunyai nilai tambah tidak sepatutnya ditinggalkan di dalam hutan sebagai bahan buangan. Meminimumkan bahan buangan sepatutnya menjadi amalan semua dalam penggunaan kayu-kayan.

Di samping menumpukan pada penggunaan kayu-kayan, kepentingan hasil hutan bukan-kayu juga tidak boleh di pandang ringan. Dalam konteks ini, peluang terbuka luas untuk kita memanfaatkan ekosistem sebagai destinasi untuk eko-pelancongan dan juga untuk aktiviti menghargai alam semula jadi. FRIM bersama-sama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dapat memainkan peranan dalam meningkatkan sektor pelancongan negara dengan



I would like to take this opportunity to thank Y.B. Dato' Seri Azmi Khalid, the Honorable Minister of Natural Resources and Environment (NRE) Malaysia for appointing me as the Chairman of MFRDB for a term of two years, effective 1 June 2006. I look forward to working with all the board members. There was no change in the membership of the board in 2006 with the exception of our new member representing the Malaysian Wood Industries Association.

As Chairman of the MFRDB and Secretary General of NRE, I am happy with the achievements of FRIM in 2006, which have contributed significantly to the Ministry. FRIM is recognised and respected by other related research institutions throughout the world. FRIM scientists have won honorary and scientific awards at the national and international levels. These achievements are commendable.

I acknowledge FRIM's outstanding performance from the standpoint of forestry and forest product research, which remains the core business of the institute. Nevertheless, in terms of commercialisation of R&D findings and outputs, there is always room for improvement. When initiating R&D projects, efforts should be made to include industrial partners. Such arrangements would facilitate immediate technology uptake by the industries. Closer collaboration with the industries is needed.



menyediakan latihan kepada pemandu pelancong alam semula jadi. Apa yang perlu dilakukan adalah dengan meningkatkan lagi usaha dan program yang sedia ada, seperti memperkemas pakej maklumat serta bekerjasama dengan pengusaha pelancongan. Secara ringkasnya, kita perlulah melihat hutan bukan semata-mata sebagai sumber kayu-kayan malah juga menyediakan pelbagai perkhidmatan yang lain.

Bioteknologi dalam bidang perhutanan kian pesat membangun sebagai salah satu bidang sains yang menyediakan banyak peluang bagi penemuan saintifik. Ia juga merupakan bidang pelaburan yang baru serta sumber kekayaan bagi pertumbuhan negara pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, FRIM sepatutnya mengambil daya inisiatif untuk membangunkan produk dan proses yang berasaskan bioteknologi. Dalam hal ini, FRIM sangat beruntung kerana mempunyai bukan sahaja sumber manusia dan keupayaan malahan juga kemudahan-kemudahan dan infrastruktur yang moden. Bagaimanapun, kepentingan ilmu pengetahuan tradisi tidak sepatutnya diabaikan.

Saya berbangga bahawa FRIM kini sedang memulakan beberapa projek yang berkaitan dengan kepentingan negara, termasuklah Muzeum Sejarah Alam Semula Jadi dan Inventori Biodiversiti Negara. Usaha-usaha seumpama ini akan dapat menonjolkan kewibawaan FRIM dalam melaksanakan projek-projek yang penting serta menjalankan penyelidikan yang berimpak.

Seharusnya FRIM meneruskan usaha-usaha yang baik bukan sahaja sebagai sebuah institusi penyelidikan malah sebagai penyedia perkhidmatan. Sistem penyampaian yang berkesan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan serta sistem pembayaran perkhidmatan yang menepati masa merupakan antara perkara yang perlu diberi perhatian segera.

Akhir kata, kita mestilah menyediakan perkhidmatan yang terbaik atau menjalankan tugas dengan cara yang terbaik. MFRDB di bawah kepimpinan saya selaku Pengerusinya akan terus memantau serta menyokong segala aktiviti dan usaha yang dijalankan oleh FRIM. Semangat bekerja sama akan dapat menghasilkan prestasi kerja yang lebih baik.

FRIM's R&D should continually look into the possibility of maximising the use of timber species. Such an approach would relieve the pressures of excessive harvesting of our natural forests. Wood, which can be used to produce value-added products should not left in the forest as waste. Minimising wastage should be the axiom for utilisation of timber.

Besides focusing on utilising timber, the importance of non-timber forest products should not be overlooked. In the context, there are ample opportunities to use forest ecosystems as destinations for eco-tourism and nature interpretation. Both FRIM and the Forestry Department Peninsular Malaysia can play a role in enhancing the country's tourism sector by providing training to nature tourist guides. What is needed is to add value to current efforts, such as packaging of information and working together with tour operators, to enhance existing programmes. In short, one should view the natural forests not only as a source of timber alone, but also as a provider of other services.

Biotechnology in forestry is a rapidly advancing field of science, which provides many opportunities for scientific discoveries. It is also viewed as a new area of investment and a source of wealth for future growth. It is important that FRIM takes the initiative to develop products and processes based on biotechnology. FRIM is fortunate to have not only the manpower and capacity but also the modern facilities and infrastructures to do so. In this endeavour, the importance of traditional knowledge cannot be ignored.

I am proud that FRIM is embarking on a number of projects, which are of national interest. They include the Natural History Museum and the National Inventory of Biodiversity. Such efforts would demonstrate FRIM's capability in implementing projects of significance and in conducting research with impact.

FRIM should continue with the good work not only as a research institution but also as a service provider. A sound delivery system of extending appropriate services to clients and timely payment of services rendered are matters that warrant immediate attention.

Finally, we must provide the best service or perform the best job. Under my chairmanship, the MFRDB will continue to monitor and support FRIM's activities and efforts. The spirit of working together will uplift us to a higher level of performance.

DATO' SUBOH MOHD. YASSIN

DPSJ, KMN

Pengerusi MFRDB

Chairman of MFRDB

**LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA**



***MALAYSIAN FORESTRY RESEARCH AND
DEVELOPMENT BOARD***

Pengerusi *Chairman*

Y. BHG. DATO' SUBOH MOHD. YASSIN
DPSJ, KMN

Ahli dan Ahli Silih Ganti *Members and Alternate Members*

PN. AZIYAH MOHAMED

EN. CHIN SHIH LOON (Silih Ganti)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia
Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia

PN. ONG JOO LIN

PN. RAHANA MD. NOH (Silih Ganti)
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia

Y. BHG. DATO' SERI AZAHAR MUDA

SPMP, DPMP, PMP, BSK, AMN, AMP

Y. BHG. DATO' DAHLAN TAHA

DPSK, BSK (Silih Ganti)
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Forestry Department of Peninsular Malaysia

Y. BHG. DATO' MOHD. NAZURI HASHIM SHAH

DSNS, JSM, DSM, AMN, BSK, PMC

CIK KHONG LYE FONG (Silih Ganti)

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Malaysian Timber Industry Board (MTIB)

Y. BHG. DATO' SHEIKH OTHMAN SHEIKH ABDUL RAHMAN, DIMP JP

EN. CHOONG KIAN KEE (Silih Ganti)

Persatuan Pekilang Panel Malaysia
Malaysian Panel-Products Manufacturer's Association (MPMA)

TUAN HJ. RABUAN SULAIMAN

EN. ZAINI ITHNIN HJ. A. RAZAK (Silih Ganti)
Persatuan Pengusaha Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputra Malaysia (PEKA)
Association of Malaysian Bumiputra Timber and Furniture Entrepreneurs

EN. AHMAD LOMAN

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK)
Ministry of Plantation Industries and Commodities

DR. RAYMOND CHAN HEUN YIN JSM

Lembaga Getah Malaysia
Malaysian Rubber Board

Y. BHG. DATO' PROF. DR. ABDUL LATIFF MOHAMED DPSK

Universiti Kebangsaan Malaysia
National University of Malaysia

Y. BHG. DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT

Penasihat Alam Sekitar Kerajaan Negeri Sarawak
Environment Advisor to the Sarawak State Government

Y. BHG. DATUK SAM MANNAN

DR. LEE YING FAH (Silih Ganti)
Jabatan Hutan Sabah
Sabah Forest Department

Y. BHG. DATU CHEONG EK CHOON

DJBS, PBK, PPB

EN. LAI KHIM KUET (Silih Ganti)

Jabatan Hutan Sarawak
Sarawak Forest Department

EN. NIK MOHD. SHAH NIK MUSTAFA

EN. SAMSU ANUAR NAWI (Silih Ganti)
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
Selangor Forestry Department

EN. NG KAY YIP

EN. PON CHIA HWEE (Silih Ganti)
Persatuan Industri Kayu-Kayan Malaysia
Malaysian Wood Industries Association (MWIA)

Y. BHG. DATO' DR. ABDUL RAZAK MOHD. ALI

DIMP, JMN, FMIC
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
Forest Research Institute Malaysia



Dari kiri *From left*

En. Ahmad Loman, Dr. Lee Ying Fah (Silih Ganti), En. Ng Kay Yip, Y. Bhg. Dato' Mohd. Nazuri Hashim Shah, En. Nik Mohd. Shah Nik Mustafa, Pn. Aziyah Mohamed, Y. Bhg. Dato' Dr. Abdul Razak Mohd. Ali, Y. Bhg. Dato' Suboh Mohd. Yassin (Pengerusi), Y. Bhg. Dato' Dr. James Dawos Mamit, Pn. Rahana Md. Noh, Dr. Raymond Chan Heun Yin, Tuan Hj. Rabuan Sulaiman, Y. Bhg. Dato' Dahlan Taha (Silih Ganti)

Tiada di dalam gambar *Not in photo*

Y. Bhg. Dato' Seri Azahar Muda, Pn. Ong Joo Lin, Y. Bhg. Dato' Sheikh Othman Sheikh Abdul Rahman, Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Abdul Latiff Mohamed, Y. Bhg. Datu Cheong Ek Choon, Y. Bhg. Datuk Sam Mannan

JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERJAWATAN (JKKP) FINANCE AND ESTABLISHMENT COMMITTEE

Pengerusi *Chairman*

Y. BHG. DATO' SUBOH MOHD. YASSIN
DPSJ, KMN

Ahli dan Ahli Silih Ganti *Members and Alternate Members*

PN. AZIYAH MOHAMED
EN. CHIN SHIH LOON (Silih Ganti)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia
Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia

PN. ONG JOO LIN
PN. RAHANA MD. NOH (Silih Ganti)
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia

Y. BHG. DATO' SERI AZAHAR MUDA
SPMP, DPMP, PMP, BSK, AMN, AMP
Y. BHG. DATO' DAHLAN TAHA
DPSK, BSK (Silih Ganti)
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Forestry Department of Peninsular Malaysia

DR. RAYMOND CHAN HEUN YIN JSM
Lembaga Getah Malaysia
Malaysian Rubber Board

TUAN HJ. RABUAN SULAIMAN
EN. ZAINI ITHNIN HJ. A. RAZAK (Silih Ganti)
Persatuan Pengusaha Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputra Malaysia (PEKA)
Association of Malaysian Bumiputra Timber and Furniture Entrepreneurs

Y. BHG. DATO' DR. ABDUL RAZAK MOHD. ALI
DIMP, JMN, FMIC
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
Forest Research Institute Malaysia

Pengerusi Chairman

PN. AZIYAH MOHAMED

EN. CHIN SHIH LOON (Silih Ganti)

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia

Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia

Ahli dan Ahli Silih Ganti

Members and Alternate Members

PN. ONG JOO LIN

PN. RAHANA MD. NOH (Silih Ganti)

Kementerian Kewangan Malaysia

Ministry of Finance Malaysia

Y. BHG. DATO' SERI AZAHAR MUDA

SPMP, DPMP, PMP, BSK, AMN, AMP

Y. BHG. DATO' DAHLAN TAHA DPSK, BSK (Silih Ganti)

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Forestry Department of Peninsular Malaysia

Y. BHG. DATO' MOHD. NAZURI HASHIM SHAH

DSNS, JSM, DSM, AMN, BSK, PMC

CIK KHONG LYE FONG (Silih Ganti)

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Malaysian Timber Industry Board (MTIB)

Y. BHG. DATO' SHEIKH OTHMAN SHEIKH ABDUL RAHMAN

DIMP, JP

EN. M. CHANDRA SEKARAN (Silih Ganti)

Persatuan Pekilang Panel Malaysia

Malaysian Panel-Products Manufacturer's Association (MPMA)

**INSTITUT PENYELIDIKAN
PERHUTANAN MALAYSIA**



**FOREST RESEARCH
INSTITUTE MALAYSIA**

LAPORAN KETUA PENGARAH

DIRECTOR GENERAL'S REPORT



Tahun 2006 merupakan tahun kesebelas saya selaku Ketua Pengarah FRIM. Banyak kejayaan yang memberangsangkan telah dicapai di sepanjang tahun ini dari segi penerimaan anugerah serta pelantikan, pembangunan sumber manusia, penyelidikan, penerbitan, pembangunan infrastruktur dan pemindahan teknologi.

Beberapa orang pegawai FRIM telah menerima anugerah bintang kebesaran. Dr. Rahim Sudin menerima dua bintang kebesaran iaitu Darjah Seri Melaka (DSM) dan Ahli Mangku Negara (AMN). Dr. Nur Supardi Md. Noor menerima Ahli Mahkota Kedah (AMK) manakala Puan Habibah Mohamad menerima Pingat Pangkuan Negara (PPN).

Pegawai-pegawai FRIM juga terus menerima anugerah-anugerah saintifik pada tahun 2006. Puan Nor Hasnida Hasan dianugerahi Anugerah Saintis Muda Selangor 2006. Dalam pertandingan Reka Cipta Ekspo Teknologi Malaysia yang ke-5, saintis FRIM telah memenangi satu pingat emas dan lima pingat perak. Pada Pameran Reka Cipta dan Inovasi Reka Bentuk Industri dan Teknologi Antarabangsa 2006 yang ke-17 (ITEX 2006), FRIM telah memenangi tiga pingat emas dan tiga pingat perak. Sementara itu, pingat gangsa pula telah dimenangi oleh saintis FRIM pada Pameran dan Persidangan Antarabangsa

The year 2006 represented my eleventh year in office as the Director General of FRIM. Much had been achieved during the year in terms of awards and appointments, human resource development, research and development, publications, infrastructural development, and technology transfer.

During the year, several FRIM officers were conferred honorary awards. Dr. Rahim Sudin was conferred two honorary awards, namely, Darjah Seri Melaka (DSM) and Bintang Ahli Mangku Negara (AMN). Dr. Nur Supardi Md. Noor received Ahli Mahkota Kedah (AMK). Puan Habibah Mohamad was conferred Pingat Pangkuan Negara (PPN).

FRIM officers continued to win scientific awards in 2006. Puan Nor Hasnida Hasan was awarded the Young Scientist Award Selangor 2006. In the Fifth Invention Competition of Malaysian Technology Expo, FRIM scientists won one gold award and five silver awards. In the Seventeenth International Invention Innovation Industrial Design & Technology Exhibition 2006 (ITEX 2006), FRIM won three gold and three silver medals. Bronze medals were won during the International Bio-Technology Asia Conference and Exhibition 2006, the Research, Invention and Innovation Exposition held at Universiti Malaya.

FRIM is proud that several research officers gained recognition through international and national appointments. Dato' Dr. Wan Razali Wan Mohd. (Deputy Director General for R&D) was elected President of the Institute of Foresters Malaysia for the period 2006-2007. He was featured as one of the distinguished alumni members in the book entitled, "75 Jewels of UPM" which was published in conjunction with the 75th Anniversary of UPM. Dr. Lee, S.S. and Dr. Chan, H.T. were appointed Associate Editor of *Mycoscience*, and Editorial Board Member of *Ecological Research*, international journals produced by the Mycological Society of Japan and by the Ecological Society of Japan, respectively. Both these journals are published by Springer-Verlag, Tokyo, Japan. Dr. Saw, L.G. was appointed Member of the Science Audit to the Royal Botanic Gardens (RBG), Kew, UK. Dr. Nur Supardi Md. Noor and Dr. Ismariah Ahmad were appointed editors of *Malaysian Forester*, a journal produced by the Forestry Department of Peninsular Malaysia.

Bioteknologi Asia 2006, Ekspo Penyelidikan, Reka Cipta dan Inovasi yang diadakan di Universiti Malaya.

FRIM juga turut berbangga dengan beberapa pengiktirafan yang diterima oleh pegawai-pegawai penyelidik melalui pelantikan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Dato' Dr. Wan Razali Wan Mohd. (Timbalan Ketua Pengarah, Penyelidikan) telah dipilih sebagai Presiden Institut Rimbawan Malaysia bagi tempoh 2006-2007. Beliau juga telah dipilih untuk muncul sebagai salah seorang ahli kehormat alumni UPM dalam buku yang bertajuk "75 Permata UPM" yang diterbitkan sempena Ulang Tahun UPM yang ke-75. Dr. Lee, S.S. dan Dr. Chan, H.T. telah dilantik sebagai editor bersekutu *Mycoscience*, dan ahli lembaga editor *Ecological Research*, masing-masing merupakan jurnal antarabangsa yang dihasilkan oleh Persatuan Mikologi Jepun dan Persatuan Ekologi Jepun. Kedua-dua jurnal diterbitkan oleh Springer-Verlag, Tokyo, Jepun. Dr. Saw, L.G. dilantik sebagai ahli Audit Sains Royal Botanic Gardens (RBG), Kew, UK. Dr. Nur Supardi Md. Noor dan Dr. Ismariah Ahmad pula dilantik antara editor *Malaysian Forester*, jurnal yang diterbitkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Tujuh orang pegawai FRIM berjaya menamatkan pengajian di peringkat doktor falsafah pada 2006. Mereka terdiri daripada Dr. Nik Musaadah Nik Mustapha (King's college), Dr. Fadhilah Zainuddin (Birmingham), Dr. Nurhanan Murni Yunos (Sydney), Dr. Wan Asma Ibrahim (UPM), Dr. Christine Dawn Fletcher (UKM), Dr. Getha Krishnasamy (UM) dan Dr. Chang Li Yen (UM). Sembilan orang pegawai pula berjaya menamatkan pengajian di peringkat sarjana iaitu Pn. Wan Rahmah Wan Raof (UPM), Pn. Mastura Buang (UIA), En. Nazarudin Mohd. Roseli (UPM), Pn. Sharmiza Adnan (UKM), Cik Chan Yoke Mui (UM), Pn. Nor Ezzawanis (USM), Pn. Anee Suryani Sued (UKM), Pn. Rafedah Abas (USM) dan Pn. Nor Datiakma Mat Amin (UIAM).

Satu lagi pencapaian yang membanggakan ialah *Journal of Tropical Forest Science (JTFS)*, jurnal antarabangsa yang diterbitkan oleh FRIM membawa faktor impak 0.113 (ISI Journal Citation Report 2005), satu-satunya jurnal di Malaysia yang mempunyai Faktor Impak. JTFS kini diindeks oleh dua pangkalan data antarabangsa, iaitu *Current Contents Connect of ISI Web of Knowledge* dan *Scopus of Elsevier*. Di samping meneruskan usaha menerbitkan penemuan penyelidikan mereka di dalam JTFS, saya gembira bahawa semakin ramai saintis FRIM mula turut menerbitkannya di dalam jurnal dan buku antarabangsa.

Pembinaan kompleks baru Pusat Biodiversiti Hutan Tropika (TFBC) FRIM telah bermula pada Oktober 2006 dan dijangka akan disiapkan pada Disember 2007. Terletak di Jalan Jelutong, FRIM, kompleks TFBC ini terdiri daripada Blok A dan B

Seven FRIM officers completed their Ph.D during the year. They were Dr. Nik Musaadah Nik Mustapha (King's college), Dr. Fadhilah Zainuddin (Birmingham), Dr. Nurhanan Murni Yunos (Sydney), Dr. Wan Asma Ibrahim (UPM), Dr. Christine Dawn Fletcher (UKM), Dr. Getha Krishnasamy (UM) and Dr. Chang Li Yen (UM). Another nine officers completed their M.Sc. They were Pn. Wan Rahmah Wan Raof (UPM), Pn. Mastura Buang (UIA), En. Nazarudin Mohd. Roseli (UPM), Pn. Sharmiza Adnan (UKM), Cik Chan Yoke Mui (UM), Pn. Nor Ezzawanis (USM), Pn. Anee Suryani Sued (UKM), Pn. Rafedah Abas (USM) and Pn. Nor Datiakma Mat Amin (UIAM).

Another noteworthy achievement is that FRIM's *Journal of Tropical Forest Science (JTFS)* carries an Impact Factor of 0.113 (ISI Journal Citation Report, 2005). It is the only Malaysian journal with an Impact Factor. JTFS is now indexed by two international databases, namely, *Current Contents Connect of ISI Web of Knowledge* and *Scopus of Elsevier*. While continuing to publish in JTFS, I am glad to note that more FRIM scientists have started publishing their research findings in international journals and books.

Construction of the new complex of FRIM Tropical Forest Biodiversity Centre (TFBC) started in October 2006 and is expected to be completed by December 2007. Located at the Jelutong Avenue in FRIM, the complex comprises Blocks A and B which are interconnected by a corridor. With a total floor space of about 3,600 m², the complex will house the research units of botany, zoology, pathology and conservation. The Kepong Herbarium, which serves as the National Herbarium of Malaysia, will be located in Block B. The herbarium in FRIM has a collection of more than 300,000 specimens and is currently the third largest in Southeast Asia.

Much effort was made to develop the entrance to the Kepong Botanic Gardens. A tarmac car park had been constructed and landscaping with a variety of fan-leaved palms to provide good visual impact on visitors as they first come into the gardens is well underway. Work on the paved 400 m long understorey plant trail had started. Along the trail, a variety of palms including rattans, aroids and gingers were planted to enrich the existing understorey flora. The trail named as Razak Trail will be launched in 2007, honouring my official retirement as Director General of FRIM.

Five laboratories received ISO 9001:2000 accreditation during the year. They were the Wood Analytical, Furniture Testing, Wood Lamination, Wood Finishing and Wood Anatomy Laboratories.

yang saling bersambung melalui koridor. Dengan ruang lantai berkeluasan 3600 m², kompleks ini akan menempatkan unit-unit penyelidikan botani, zoologi, patologi dan pemuliharaan. Herbarium Kepong, yang merupakan Herbarium Negara Malaysia akan ditempatkan di Blok B. Herbarium di FRIM mempunyai koleksi lebih daripada 300 000 spesimen dan pada masa ini merupakan herbarium yang ketiga terbesar di Asia Tenggara.

Usaha-usaha juga telah dijalankan untuk membangunkan pintu masuk utama ke Taman-Taman Botani Kepong. Tempat letak kereta bertar telah dibina. Manakala kerja-kerja melandskap dengan penanaman pelbagai jenis pokok palma berdaun bentuk kipas bagi mewujudkan pemandangan yang menarik kepada pengunjung sedang giat dijalankan. Di samping itu, kerja-kerja penyediaan denai sepanjang 400 m juga sudah bermula. Di sepanjang denai, pelbagai jenis palma termasuklah rotan, keladi dan halia telah ditanam bagi mempelbagaikan flora yang sedia ada. Denai yang dinamakan Denai Razak ini mengambil sempena nama Ketua Pengarah FRIM sekarang yang akan bersara. Denai ini akan dirasmikan pada 2007.

Lima buah makmal di FRIM iaitu Makmal Analisis Kayu, Makmal Ujian Perabot, Makmal Laminasi Kayu, Makmal Kemasiapan Kayu dan Makmal Anatomi Kayu telah mendapat akreditasi ISO 9001:2000 pada tahun ini. Manakala Makmal Biji Benih dan Makmal Genetik berjaya mengekalkan status ISO 9001 masing-masing. Tujuh perjanjian persefahaman dengan pelbagai institusi penyelidikan dan agensi kerajaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah ditandatangani. Antaranya ialah Forestry and Forest Products Research Institute, Tsukuba, Jepun; Royal Botanic Gardens, Kew, UK; PT Mutu Agung Lestari, Bogor, Indonesia; Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM); Cooperation Internationale en Recherche Agronomique pour le Development (CIRAD), Paris, France; Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; dan Majlis Perbandaran Taiping.

Meskipun FRIM telah mencapai pelbagai kejayaan pada tahun ini, masih banyak lagi yang perlu dibuat penambahbaikan ke arah meningkatkan prestasi institut ini di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kita perlu mengubah cara kita menjalankan sesuatu tugas dan tidak sekadar bekerja untuk menyelesaikan tugas tersebut. Kita perlulah menjalankan tugas secara bermaruah dan berdedikasi agar kita akan berjaya dalam setiap pekerjaan yang kita lakukan. Sehubungan dengan itu, kita perlulah mengubah cara kita bekerja dan memasarkan diri kita. Berdasarkan pada tahun 2006, mesej yang ingin saya sampaikan ialah "berubahlah ke arah kebaikan demi mencapai kecemerlangan yang lebih jitu."

The Seed Technology and Genetics Laboratories successfully retained their ISO 9001 status. Seven MOUs were signed with various national and international research institutes and government agencies. They included Forestry and Forest Products Research Institute, Tsukuba, Japan; Royal Botanic Gardens, Kew, UK; PT Mutu Agung Lestari, Bogor, Indonesia; Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM); Cooperation Internationale en Recherche Agronomique pour le Development (CIRAD), Paris, France; Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; and Majlis Perbandaran Taiping.

Although FRIM had made significant achievements during the year, a lot more needs to be done to further improve the institute's performance at the national and international levels. We have to change the way we do things and not just going through the motion of getting jobs done. We need to take pride and be dedicated so that we are champions in what we do. My concern is that, many things FRIM has achieved, are not known to the general public. Therefore, we must change the way we do things and the way we market ourselves. Based on the year 2006, my message is, "change for the better to further excel."



DATO' DR. ABDUL RAZAK MOHD. ALI

DIMP, JMN, FMIC

Ketua Pengarah FRIM

Director General FRIM

Pengerusi Chairman

Y. BHG. DATO' DR. ABDUL RAZAK MOHD. ALI
DIMP, JMN, FMIC
Ketua Pengarah
Director General

Ahli Members

Y. BHG. DATO' DR. WAN RAZALI WAN MOHD.
DPMT, JSM, KMN, FIFM
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan)
Deputy Director General (Research and Development)

Y. BHG. DATO' DR. ABD. LATIF MOHMOD
DIMP, KMN, AMN
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Deputy Director General (Operations)

DR. ABDUL RASHID HJ. ABD. MALIK
Pengarah Kanan Bahagian Pentadbiran dan Multimedia
Senior Director Administration and Multimedia Division

DR. ABDUL RAHIM NIK, AMN
Pengarah Kanan Bahagian Perhutanan dan Pemuliharaan
Senior Director Forestry and Conservation Division

DR. HOI WHY KONG, AMN
Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Produk
Senior Director Product Development Division

DR. BASKARAN KRISHNAPILLAY
Pengarah Kanan Bahagian Bioteknologi
Senior Director Biotechnology Division

EN. MOHD. ZAMSHARI ABD. RAHMAN
Pengarah Bahagian Kewangan
Director of Finance Division

PN. WAN RAHMAH WAN A. RAO
Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Senior Director Human Resources Management Division

DR. CHAN HUNG TUCK, KMN
Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Penyelidikan
Senior Director Research Management Division

DR. SAW LENG GUAN
Pengarah Program TFBC
Director TFBC Programme

DR. SHAMSUDIN IBRAHIM
Pengarah Kanan Program Pengurusan dan Ekologi Hutan
Senior Director Forest Management and Ecology Programme

DR. NOOR AZLIN YAHYA
Pengarah Program Hutan Bandar dan Rekreasi
Director of Urban Forestry and Recreation Programme

DR. MOHD. NOR MOHD. YUSOFF
Pengarah Kanan Program Kimia Kayu
Senior Director Wood Chemistry Programme

DR. RAHIM SUDIN

Pengarah Program Pembinaan dan Perlindungan Kayu
Director Timber Construction and Protection Programme

DR. TAN YU ENG

Pengarah Program Pemprosesan dan Teknologi Kayu
Director Timber Processing and Technology Programme

DR. ABD. RASIP ABD. GHANI

Pengarah Program Hutan Ladang
Director Forest Plantations Programme

DR. RASADAH MAT ALI

Pengarah Program Tumbuhan Ubatan
Director Medicinal Plants Programme

DR. MARZALINA MANSOR

Pengarah Program Bioteknologi Hutan
Director Forest Biotechnology Programme

DR. WOON WENG CHUEN LIMIS

Pengarah Program Tekno-Ekonomi
Director Techno-Economics Programme

DR. NORINI HARON

Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan Undang-Undang
Head of International and Legal Affairs Unit

AHLI DIREKTORAT


DIRECTORATE MEMBERS



Dari kiri *From left*

Dr. Ab. Rasip Ab. Ghani, Dr. Mohd. Nor Mohd. Yusoff, Dr. Abdul Rashid Abd. Malik, En. Mohd. Zamshari Abd. Rahman, Dr. Saw Leng Guan, Dr. Rasadah Mat Ali, Dr. Rahim Sudin, Dr. Norini Haron, Pn. Wan Rahmah Wan A. Raof, Dato' Dr. Abd. Latif Mohmod, Dato' Dr. Abdul Razak Mohd. Ali (Ketua Pengarah), Dato' Dr. Wan Razali Wan Mohd., Dr. Tan Yu Eng, Dr. Shamsudin Ibrahim, Dr. Chan Hung Tuck, Dr. Abdul Rahim Nik, Dr. Baskaran Krishnapillay, Dr. Marzalina Mansor, Dr. Noor Azlin Yahya, Dr. Hoi Why Kong, Dr. Woon Weng Chuen

CARTA ORGANISASI ERIM
ERIM ORGANISATION



SLOGAN KUALITI QUALITY SLOGAN

**"Kualiti teras kecemerlangan
Inovasi kunci keunggulan"**

**"Quality is the pillar for excellence
Innovation is the key to preeminence"**

VISI VISION

Menjadi pusat kecemerlangan dalam penyelidikan dan pembangunan perhutanan tropika dan keluaran hutan

To become a centre of excellence and distinction in tropical forestry research and development

MISI MISSION

Meningkatkan daya saing sektor perhutanan dan keluaran hutan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang intensif, pengurusan yang efektif dan perkhidmatan yang cemerlang.

To enhance competitiveness of the forestry and forest product sectors through intensive research and development, effective management and excellent services.

OBJEKTIF OBJECTIVES

- Menjana pengetahuan saintifik bagi pemahaman, pengurusan dan penggunaan sumber hutan;
 - Mencapai kecemerlangan dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan dengan menggunakan alat saintifik termaju;
 - Menyediakan kepelbagaian biologi bagi menghasilkan produk berguna melalui penyelidikan dan pembangunan yang intensif;
 - Memajukan teknologi berkaitan bagi memenuhi keperluan industri perhutanan;
 - Mempakej hasil penyelidikan dan pembangunan untuk disebar kepada pelanggan;
 - Mengkomersial hasil penyelidikan dan pembangunan yang signifikan melalui pemindahan teknologi kepada pihak yang berminat;
 - Menyediakan perkhidmatan cemerlang untuk memenuhi kepuasan pelanggan;
 - Mewujudkan kerjasama strategik dengan agensi tempatan dan antarabangsa;
 - Meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan alam sekitar dan pemuliharaan kepelbagaian biologi hutan.
-
- *To generate scientific knowledge for the understanding, management and utilisation of forest resources;*
 - *To pursue excellence in conducting research and development using modern scientific tools;*
 - *To harness biological diversity for producing useful products through intensive research and development;*
 - *To develop relevant technologies to fulfill the needs of the forest industries;*
 - *To package the research and development results and disseminate them to clients;*
 - *To commercialize significant research and development results through technology transfer to any interested parties;*
 - *To provide excellent services to meet the needs of customers;*
 - *To establish collaborative strategies with national and international agencies;*
 - *To create public awareness of the importance of the environment and the conservation of forest biological diversity.*

FUNGSI FUNCTIONS

Fungsi dan aktiviti utama FRIM adalah:

- Untuk menajal dan menganjurkan penyelidikan mengenai pembangunan sektor perhutanan dan pemuliharaan sumber hutan
- Untuk memperoleh dan menyebarkan maklumat berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan perhutanan, hasil hutan dan penggunaan hasil hutan
- Untuk menyelaraskan penyelidikan berhubung dengan perhutanan dan penggunaan sumber hutan di dalam Malaysia dan mengadakan hubungan kerjasama dengan badan-badan di luar Malaysia berkaitan dengan perkara-perkara tersebut

The primary functions and activities of FRIM are:

- *To conduct and advance research towards development of the forest and forestry industries sector*
- *To obtain and disseminate information regarding the management and development of forestry, forestry products and their utilisation*
- *To co-ordinate research activities related to forestry and utilisation of forestry resources in Malaysia, and to facilitate co-operation and linkages with organisations outside Malaysia for the above matters*

PIAGAM PELANGGAN CLIENTS' CHARTER

Kami berjanji

Untuk berusaha membangun dan menggalakkan penggunaan sumber dan hasil hutan secara berkekalan melalui penyelidikan, pengembangan dan penggunaannya. Bagi tujuan ini, kami memberi jaminan seperti berikut:

- Menyediakan penyelesaian praktikal kepada masalah berkaitan pengurusan dan penggunaan sumber dan hasil hutan dengan tepat, jimat dan mengikut jadual
- Menyediakan satu program pembangunan sumber manusia bagi mewujudkan golongan saintis yang berkebolehan dan berwibawa
- Menyebarkan hasil teknologi, penyelidikan serta memberi perkhidmatan nasihat dan teknikal yang tepat dengan cepat secara profesional dan mudah difaham kepada setiap peringkat pengguna
- Menjamin untuk memberi kemudahan dan perkhidmatan profesional dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap alam sekitar
- Menyediakan suasana kerja yang tidak birokratik bagi menggalakkan cetusan idea di kalangan saintis dan perhubungan lebih rapat dengan pelanggan

We pledge

To develop and enhance the utilisation of forestry resources and produce on a sustainable basis through research, development and application. For this purpose, we ensure the following:

- *Make available reliable, economical and timely solutions to problems related to management and utilisation of forestry resources and forestry produce*
- *Prepare a human resource development programme to create a core of dedicated scientists of calibre and ability*
- *Disseminate speedily appropriate and reliable scientific and technological information in a professional and easily accessible manner to all levels of clients and users through consultation and advice*
- *Provide professional advice to the public to ensure that public awareness on the environment is heightened*
- *Provide a conducive working environment to encourage creativity among scientists, and to maintain a close rapport with clients*

DASAR KUALITI QUALITY POLICY

Kami

bertanggungjawab untuk mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan saintifik dan pembangunan dalam usaha pengembangan sektor perhutanan dan juga menghasilkan inovasi yang sesuai bagi semua pelanggan. Kami akan pastikan semua yang bekerja dengan kami bersama-sama bertanggungjawab dan mematuhi standard kualiti yang telah ditetapkan.

We

are committed to achieving excellence in scientific research and development in the efforts to develop the forestry industries sector and also to derive innovations for the benefit of the clients. We shall ensure that those working together with us shall be committed and adhere to the quality standards that have been identified.

SENARAI SPESIES PEMULIHAN

Senarai spesies pemulihan (senarai RS) yang dibuat pada tahun 1960 merupakan senarai spesies terpilih yang dianggap penting dari segi komersial dan silvikultur. Ia dapat menentukan sama ada keperluan minimum stok dapat dipenuhi serta sama ada hutan yang telah dibalok boleh dianggap sebagai terpulih atau sebaliknya semasa inventori selepas tebangan. Oleh yang demikian analisis data inventori selepas tebangan sama ada dari segi bilangan, kelas saiz, status atau kelas dominan dipengaruhi oleh kehadiran spesies-spesies ini. Walau bagaimanapun pasaran kayu-kayan telah mengalami perubahan — banyak spesies bukan RS telah diterima oleh pasaran sekarang. Justeru, senarai RS ini perlu disemak untuk memasukkan spesies bukan RS yang telah diterima umum serta berpotensi untuk memasuki pasaran dalam masa yang terdekat.

Mesyuarat MAJURUS ke-37 bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai dan pakar dari FRIM, JPSM dan MTIB untuk menyemak semula senarai RS yang tidak pernah dikemas kini sejak tahun 1982. Satu jawatankuasa kerja yang diketuai oleh FRIM dibentuk bagi menyiapkan asas, kriteria serta analisis yang sesuai untuk dikemas kini. Kriteria yang digunakan ialah kegunaan akhir, kepadatan dan harga kayu. Pemarkahan dari 1 hingga 100 digunakan dalam analisis ke atas 578 spesies. Empat senario digunakan berdasarkan faktor pemberat yang berlainan. Jumlah pemarkahan setiap senario dikelaskan kepada 1 hingga 10. Spesies dengan jumlah peratusan yang tinggi diberi kedudukan yang lebih tinggi dan begitu juga sebaliknya. Hasil semakan ini telah dibentangkan pada mesyuarat MAJURUS yang ke-39. Mesyuarat bersetuju untuk membentangkan senarai baru ini di Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri untuk sokongan sebelum dilaksanakan. Diharapkan senarai RS yang dicadangkan lebih mencerminkan spesies kayu-kayan yang perlu diuruskan pada masa sekarang dan akan datang bagi memenuhi keperluan bekalan bahan mentah kepada industri yang berasaskan kayu.

REGENERATION SPECIES LIST

The Regeneration Species (RS) List was developed in 1960. It consists of a list of selected species, which is considered important both for commercial and silvicultural purposes. It has been used for meeting minimum stocking requirements. It also serves as an indicator as to whether a recently logged-forest can be declared as regenerated or otherwise. As such the interpretation and analysis of post-felling inventory results will be influenced by the occurrence of these species in terms of numbers, size classes, status and dominant classes of the stocking. However the timber market has undergone changes such that many non-RS have now gained acceptance by the market. Hence the RS List needs to be revised to include many non-RS that have either been accepted or have market potentials in the near future.

During the 37th MAJURUS meeting, a committee comprising officials and experts from FRIM, FDPM and MTIB was formed to revise the RS List, which has not been updated since 1982. To facilitate the task, a working committee chaired by FRIM was formed to prepare a proper basis, criteria and analysis for the revision. The criteria used were end-use, wood density and log price. A ranking based on a scoring range from 1 to 100 was used for 578 tree species. Four scenarios were developed based on different weightage factors. A total scoring for each scenario was ranked by class intervals of 1 to 10. Species with higher total percentage was given a higher ranking and vice versa. Results of the revised RS List were presented during the 39th MAJURUS meeting. The meeting recommended that the new list be presented to the Conference of State Forest Directors for their endorsement before being implemented. It is envisaged that the proposed RS List will better reflect the current and future list of timber species that need to be managed for the supply of raw material to the wood-based industries.

PENGHASILAN JADUAL ISI PADU TEMPATAN TANPA MEROSAKKAN POKOK

Bagi membina jadual isi padu yang baik, jumlah sampel yang banyak daripada pelbagai kelas saiz dan kumpulan spesies diperlukan. Pengukuran diameter yang tepat ke atas setiap bahagian pendek batang pokok diperlukan.

Sebelum ini, pokok perlu ditebang terlebih dahulu untuk mengukur diameter mengikut panjang yang telah ditentukan. Sekarang, alat pengukuran yang dinamakan "Hand Held Laser Criterion" boleh digunakan untuk mendapatkan ketepatan ukuran yang sama tanpa perlu menebang atau memanjat pokok. Alat digital ini boleh mengukur diameter dan tinggi pokok dari lantai hutan. Bagi menguji ketepatan, satu kajian telah dijalankan bagi memastikan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara ukuran yang dibuat ke atas pokok tebang berbanding pokok berdiri dengan menggunakan alat ini. Beberapa pokok sampel (di atas dan di bawah had batas tebang) telah dipilih. Pengukuran diameter pokok berdiri dibuat pada setiap dua meter menggunakan alat ini. Pokok tersebut kemudian ditebang dan pengukuran secara manual dibuat menggunakan pita diameter. Keputusan analisis mendapati tiada perbezaan signifikan (pada selang keyakinan 95%) ke atas ukuran diameter menggunakan kedua-dua kaedah tersebut. Oleh yang demikian, alat ini boleh digunakan dalam pembinaan jadual isi padu tempatan. Penggunaan kaedah ini dapat mengurangkan kos dan kerugian akibat penebangan pokok di samping dapat mengekalkan ketepatan ukuran.

FLORA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Projek *Flora of Peninsular Malaysia* pada asalnya melibatkan kajian spesimen herbarium dan spesimen hidup, dan bukan sekadar kompilasi penerbitan terdahulu. Projek ini akan menghasilkan satu dokumentasi flora yang lengkap, terkini dan

DEVELOPING LOCAL VOLUME TABLES THE NON-DESTRUCTIVE WAY



Alat *Hand Held Laser Criterion* boleh mengukur diameter dan tinggi pokok dari lantai hutan
A Hand Held Laser Criterion device used for measuring diameter and length of trees from the ground

In order to construct a reliable volume table, a relatively large number of trees of various size classes, and species or species groups are sampled. The enumeration of each tree requires an accurate diameter measurement at fixed intervals along the tree trunk. Traditionally, trees were usually felled and diameters measured and recorded on the ground.

Currently, the same level of accuracy can be obtained without destructive sampling of trees by using the Hand-held Laser Criterion. This digital device measures the diameter and length of trees from the ground. To test the accuracy of the device, an experiment was

performed to determine whether there was any significant difference between measurements of felled trees using diameter tape and measurements of standing trees using the device. Results showed that there were no significant differences (at 95% confidence interval) using these two methods. The Hand-held Laser Criterion can therefore be used for developing local volume tables. The adoption of this non-destructive sampling approach does not compromise accuracy and is also more cost-effective.

FLORA OF PENINSULAR MALAYSIA

The Flora of Peninsular Malaysia is a project based on the study of herbarium and living specimens, rather than just being a compilation of previous publications. The project will produce a complete, updated and comprehensive documentation of about 8,300 vascular plant species based on original research. The plant species would include herbs, shrub and climbers. The project differs from The Tree Flora of Sabah and Sarawak in two ways. Firstly, the four parts of each volume will be published separately as accounts become available. Each part will comprise about 150 pages

menyeluruh yang merangkumi kira-kira 8,300 spesies tumbuhan vaskular bagi semua tumbuhan vaskular berdasarkan penyelidikan yang asli. Spesies tumbuhan termasuklah herba, pokok renek dan pepanjat. Projek *Flora of Peninsular Malaysia* berbeza daripada Projek *Tree Flora of Sabah and Sarawak* melalui dua cara. Pertama, keempat-empat bahagian pada setiap jilid akan diterbitkan secara berasingan, mengikut ketersediaan manuskrip. Setiap bahagian bakal memuatkan anggaran 100 spesies dengan kira-kira 150 halaman. Dengan itu, dianggarkan sebanyak 20 jilid akan dihasilkan bagi melengkapkan keseluruhan flora tersebut. Kedua, senarai pengecaman spesimen akan dihasilkan dalam bentuk cakera padat untuk membantu kurasi spesimen bagi herbarium-herbarium yang terlibat.



Mengkaji spesimen di Herbarium Singapura
Studying specimens in the Singapore Herbarium

PROJEK "PLANT RED LIST" MALAYSIA

Projek "Plant Red List" Malaysia merupakan projek usaha sama antara Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Pusat Penyelidikan Perhutanan Sarawak, Pusat Penyelidikan Perhutanan Sabah, dan juga universiti-universiti. Projek ini di bawah naungan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan dibiayai oleh Kerajaan Malaysia melalui Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN).

Sasaran projek ini ialah menilai status pemuliharaan dan ancaman terhadap spesies tumbuhan asli yang terdapat di Malaysia. Penilaian yang dibuat akan memberi penumpuan kepada spesies yang jarang ditemui, terancam dan hampir pupus

and include about 100 species. It will therefore take about 20 volumes to cover the entire flora. Secondly, identification lists of specimens will be issued as a CD to enable herbaria to readily curate their holdings.



Mengkaji rumput sewaktu kursus latihan
Studying grasses during a training course

MALAYSIA PLANT RED LIST PROJECT



Buku Malaysia Plant Red List
Malaysia Plant Red List book

The Malaysia Plant Red List is a collaborative project jointly undertaken by FRIM, the Forestry Departments of Sabah and Sarawak including the universities. Under the auspices of the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE), the project is funded by the National Council for Scientific Research and Development (MPKSN).

The project is aimed at assessing the conservation status and threats of indigenous plant species in Malaysia. This assessment will highlight species that are rare, threatened and endangered. It will recommend strategies towards improving their conservation through enhancing the current

serta menghasilkan cadangan dan strategi bagi meningkatkan tahap pemuliharaan dan memperbaiki rangkaian kawasan perlindungan "in situ" dan "ex situ". Matlamat utama "Red List" ini adalah untuk menyampaikan maklumat mengenai tahap pemuliharaan yang terdapat untuk sesuatu spesies kepada orang ramai dan penggubal polisi serta memberi kesedaran kepada pihak berkuasa supaya melindungi spesies ini. Maklumat mengenai spesies dan ekosistem ini adalah amat penting dalam menuju ke arah penggunaan sumber asli secara mampan.

Penilai akan mencatatkan maklumat yang berkaitan menggunakan "The Taxon Data Information Sheet" (TDIS). TDIS merangkumi perkara yang berikut: Nama saintifik termasuk autoriti yang terperinci, pengelasan organisma secara mendalam; nama tempatan; habitat yang didiami; taburan geografi; corak penyebaran; kemerosotan populasi; ancaman; kategori dan kriteria "Red List"; asas yang logik atau rasional (termasuk sebarang data atau hasil kesimpulan yang dibuat berkaitan dengan kriteria yang ada); tahap semasa pemuliharaan; penggunaan; bahan rujukan yang digunakan semasa membuat penilaian; maklumat diri penilai; tarikh penilaian dilakukan dan proses ulasan atau kajian semula (nama penaksir).

KETAHANAN SEMULA JADI BEBERAPA SPESIES KAYU TEMPERAT

Projek ini menguji kayu-kayan temperat yang terpilih di tapak ujian pancang yang sedia ada di FRIM menggunakan protokol ujian yang dilaporkan Foxworthy (1930) dan Jackson (1957). Dengan cara ini, keputusan yang dikumpulkan boleh dibandingkan dengan keputusan terdahulu yang dilaksanakan dalam persekitaran yang sama. Empat jenis kayu dari setiap kumpulan kayu keras (*Fagus sylvatica*, *Fraxinus americana*, *Quercus rubra* dan *Quercus alba*) dan kayu lembut (*Tsuga heterophylla*, *Pseudotsuga menziesii*, *Picea abies* dan *Pinus sylvestris*) telah dipilih untuk kajian ini. Untuk perbandingan, *Kompassia malaccensis*, salah satu daripada kayu tropika yang paling popular dan dikategorikan dalam kumpulan ketahanan sederhana, dipilih sebagai sampel kawalan.

network of in situ protected areas as well as a national network for ex situ conservation. The ultimate aim of the Red List is to convey the urgency and scale of conservation problems to the public and policy makers, and to motivate the relevant authorities to protect species. Information about species and ecosystems is essential towards sustainable use of our natural resources.

Assessors would have to record relevant information using Taxon Data Information Sheets (TDIS). Sections of the TDIS are: Scientific name including authority details; taxonomy details; common names in other languages; habitat preferences; geographical range; general distribution pattern; population decline; threats; Red List Category and Criteria; rationale for listing; current conservation measures; utilization; literature used in the assessment; details of assessor(s); date of assessment and review process (names of evaluators).

NATURAL DURABILITY OF SOME TEMPERATE TIMBER SPECIES



Sampel kayu di Petak Ujian Bukit Watson, FRIM, selepas penanaman
Wood samples at Bukit Watson Test Plot, FRIM, after planting

*The study involved the testing of selected temperate timbers at existing graveyard testing sites in FRIM using the same test protocol developed by Foxworthy (1930) and Jackson (1957). Comparisons were made with some Malaysian timbers. Thus, the results would be comparable to those obtained in the past, as the test was performed under similar environmental conditions. Four species of temperate timber from each group of hardwoods (*Fagus sylvatica*, *Fraxinus americana*, *Quercus rubra* and *Quercus alba*) and softwoods (*Tsuga heterophylla*, *Pseudotsuga menziesii*, *Picea abies**

Selepas pendedahan terhadap ujian pancang selama 12 bulan, semua kayu lembut dan kayu keras temperat telah musnah melebihi 50% daripada keratan rentas sampel oleh organisma penguraian/perosak kayu seperti anai-anai bawah tanah. Hanya *Quercus rubra* yang masih bertahan. Walau bagaimanapun, *Kompassia malaccensis* hanya mengalami sedikit kesan serangan pada bahagian permukaannya yang menunjukkan ia lebih tahan kepada anai-anai bawah tanah berbanding dengan semua kayu temperat.



Beberapa sampel kayu yang diserang anai-anai
Some of the wood samples were attacked by termites

TEKNIK LUMEN BERPENGISI DALAM PENGHASILAN KERTAS DARIPADA SERABUT TANDAN KOSONG KELAPA SAWIT

Teknik lumen berpengisi merupakan suatu pendekatan fizikal yang menempatkan pengisi pada bahagian dalaman gentian melalui lumen dan bukaan-bukaan pit. Berbeza dengan teknik konvensional, ketiadaan pengisi pada permukaan luar gentian menguji lebih banyak ikatan antara gentian yang menghasilkan kertas yang lebih kuat. Dengan itu, penggunaan teknik lumen berpengisi akan mengurangkan kos penggunaan bahan penambah, contohnya kanji kation untuk memulihkan kekuatan kertas.

Bagi mencapai objektif lumen berpengisi untuk gentian tandan kosong kelapa sawit, saiz pengisi mestilah kurang daripada saiz bukaan-bukaan pit. Saiz pengisi yang sesuai adalah penting untuk membenarkan kemasukan pengisi melalui kedua-dua lumen dan bukaan-bukaan pit gentian. Pada masa ini, para saintis FRIM telah menguji beberapa pengisi yang mungkin mempunyai ukuran yang




Kandul spora kulat pereput kayu di atas sampel kayu yang terdedah
Fruiting body of wood decaying fungus on exposed wood sample

and *Pinus sylvestris*) were selected for this study. For comparison purposes, *Kompassia malaccensis* was selected as control. It is one of the most popular tropical timbers and categorised as moderately durable. After exposure for 12 months, both the softwood and hardwood groups of temperate timbers were destroyed mainly by subterranean termites for more than 50% of the cross section of the sample. The only exception was *Quercus rubra*, which showed slightly better resistance. However, *Kompassia malaccensis*, was just slightly attacked on the wood surface and thus showed much better resistance against subterranean termites when compared to all the temperate timbers tested.


LUMEN LOADING TECHNIQUE FOR MAKING PAPER FROM OIL PALM EFB

Lumen loading is a technique where fillers are deposited into the inner part of a fibre via its lumen and pit apertures. This technique has several advantages over conventional techniques. First, it increases paper strength. Fillers are deposited into inner parts of fibres leaving the outer surface to increase inter-fibre bonding. Second, lumen loading reduces the use of cationic starch, an additive used to increase paper strength, which is expensive.

In order to meet the objective of lumen loading for oil palm EFB fibres, the size of fillers has to be less than the size of EFB fibre pit apertures. The suitable size of fillers is important to permit the entry of fillers via both fibre lumens and pit apertures. Currently



Pengisi yang dilihat melalui SEM
Fillers viewed via SEM



Bukaan pit di atas serabut EFB
Pit apertures of an EFB fibre

membolehkannya dimasukkan ke bahagian dalam serabut EFB.

FRIM scientists have embarked on the testing of a number of fillers, which have the required filler size to be deposited into the inner part of EFB fibres.

PENGHASILAN KARBON TERAKTIF DARIPADA BULUH



Arang
Charcoal

Karbon teraktif merupakan salah satu bahan penyerap yang telah digunakan secara meluas. Sejak beberapa dekad yang lalu, sistem penyerapan yang melibatkan karbon teraktif menjadi penting dalam proses

penapisan dan pemisahan pada skala industri. Karbon teraktif boleh digunakan untuk memindah dan menyingkirkan bahan kimia organik, klorin, plumbum, bau dan rasa yang kurang menyenangkan pada kotoran atau bahan pepejal berwarna daripada aliran gas dan cecair melalui mekanisme penyerapan. Ciri-ciri karbon teraktif bergantung pada sifat-sifat fizikal dan kimia serta cara pengaktifannya .

Walaupun penggunaannya telah meluas, karbon teraktif komersial masih lagi merupakan bahan yang mahal. Ini menyebabkan bahan penyerap berkos rendah yang lain dicari sebagai alternatif. Antara alternatif ini, sisa pertanian dan hutan seperti habuk kayu, tempurung kelapa dan



Buluh semantan
Gigantochloa scortechinii

PRODUCTION OF ACTIVATED CARBON FROM BAMBOO

Activated carbon is one of the most widely used adsorbents. Over the last few decades, adsorption systems involving activated carbon have gained importance in purification and separation processes on industrial scale. Activated carbon can be used to remove organic chemicals, chlorine, lead, unpleasant tastes and odors in effluent or coloured substances from gas or liquid streams by the mechanism of adsorption. The characteristics of activated carbon depend on the physical and chemical properties of the precursor as well as on the activation method.

Despite its use in many applications, commercial activated carbon remains expensive. This has led to a search for low-cost materials as alternative adsorbents. Among these alternatives, agricultural and/or forest residue such as sawdust, coconut shell and palm kernel shell appear to be more economically attractive in certain countries because of their abundant supply.

cengkerang isi buah kelapa sawit muncul sebagai tarikan ekonomi di sesetengah negara kerana ia boleh didapati dengan banyaknya.

Satu kajian telah dijalankan untuk menghasilkan karbon teraktif daripada buluh (*Gigantochloa scortechinii* atau buluh semantan) menggunakan pengaktifan zink klorida. Bahan ini direndam dengan kepekatan ZnCl_2 yang menaik (20, 50 and 70%) diikuti dengan suhu pengaktifan 800°C, 850°C and 900°C dalam masa (1, 2 dan 3 jam). Parameter proses ini dioptimumkan berpandukan hasil produk dan nilai iodin.

Didapati bahawa nilai iodin karbon teraktif buluh meningkat dengan peningkatan suhu pengaktifan. Bagaimanapun, suhu di atas daripada 850°C menyebabkan penurunan dalam kapasiti penyerapan. Kapasiti penyerapan ini ditingkatkan dengan menaikkan jumlah ZnCl_2 tetapi ZnCl_2 yang berlebihan akan menurunkan nilai iodin. Selain itu, kajian mendapati bahawa hasil karbon teraktif akan berkurangan dengan kenaikan suhu dan masa pengaktifan.

GEOTEKSTIL SERAT SEMULA JADI UNTUK MENYOKONG PERTUMBUHAN VEGETATIF



Tikar serat EFB sebelum dirawat
EFB fibremats before application

Bahan serat semula jadi seperti serat kelapa dan jut dalam pembuatan geotekstil telah digunakan secara meluas dalam geotekstil sebagai bahan penahan hakisan permukaan tanah sementara ke atas cerun yang baru dipotong. Bahan ini berfungsi sebagai sungkupan dan media bagi percambahan dan pertumbuhan rumput atau tumbuhan semula jadi cerun itu. Di sepanjang lebuh raya yang baru dibina, geotekstil ini digunakan secara meluas sebagai bahan

*A study was conducted to produce activated carbon from bamboo (*Gigantochloa scortechinii* or Buluh semantan) by zinc chloride activation. The material was soaked with increasing concentrations of ZnCl_2 (20, 50 and 70%) and followed by activation at temperatures of 800°C, 850°C and 900°C for 1, 2 and 3 h. The process parameters were optimized based on product yield and iodine value.*

It was observed that the iodine value of the bamboo activated carbon increased with increasing activation temperature. However, temperature higher than 850°C resulted in the decrease in adsorption capacity. The adsorption capacity was enhanced with increasing of amounts of ZnCl_2 . However, excessive ZnCl_2 caused a decrease in the iodine value. In addition, it was found that the yield of activated carbon generally decreased with increasing activation temperature and time.



Karbon teraktif
Activated carbon

NATURAL FIBRE GEOTEXTILES FOR BETTER VEGETATIVE GROWTH



Rumput bermuda yang tumbuh di atas tikar serat EFB sebulan selepas rawatan
Bermuda grass grown on EFB fibremats one month after application

Natural fibres such as jute, coconut coir and straw are widely used in geotextiles for soil surface erosion control on newly cut slopes. These natural geotextiles are in the form of fibremats and acts as

penahan hakisan permukaan tanah. Di Malaysia, serat daripada tandan kosong kelapa sawit (EFB) digunakan dalam pembuatan geotekstil, tetapi kurang berkesan dalam menampung pertumbuhan rumput berbanding geotekstil yang dibuat daripada serat kelapa yang telah digunakan secara meluas.

Satu kajian telah dijalankan di FRIM bagi menambah baik geotekstil yang diperbuat daripada serat EFB ini dalam menyokong pertumbuhan rumput. Hasilnya didapati amat memberangsangkan. Geotekstil EFB bersaiz 30 x 60 x 1.5 cm yang dirawat dengan bahan nutrien dan bahan penggalak pertumbuhan semula jadi telah dikaji keberkesanannya untuk menampung percambahan dan pertumbuhan rumput bermuda. Rawatan penggalak tumbuhan semula jadi memberikan peningkatan berat kering rumput (DMW) yang ketara selepas satu bulan iaitu peningkatan sebanyak 95% berbanding rawatan kawalan. Rawatan lain menunjukkan peningkatan DMW dalam julat 48-104% berbanding rawatan kawalan. Dari sudut penggunaan secara komersial, penggunaan bahan penggalak semula jadi ini adalah lebih menjimatkan. Percubaan di lapangan menggunakan geotekstil EFB yang dirawat dan bersaiz komersial akan dijalankan ke atas cerun dan kesannya terhadap hakisan permukaan tanah dan pertumbuhan rumput akan dikaji berbanding geotekstil EFB yang tidak dirawat.

PEMBANGUNAN PAPAN LAPIS YANG DIRAWAT DENGAN PERENCAT API

Panel komposit kayu seperti papan lapis, papan serpai, papan blok, papan berperekat-simen dan slab gentian kayu digunakan secara meluas dalam industri binaan. Kebanyakannya digunakan sebagai komponen bukan struktur seperti sistem dinding, lantai dan siling. Namun demikian, panel komposit yang tidak dirawat ini bersifat mudah terbakar dan tidak memenuhi sepenuhnya keperluan keselamatan api. Papan lapis yang tidak dirawat bersifat lebih kurang sama dengan kayu padu iaitu kadar pembentukan arang ialah 0.6 mm seminit dan kadar rebakan api Kelas 3.

Dalam kajian ini, papan lapis Meranti sarang punai (MSP) telah dirawat dengan bahan perencat api. Monoamonium fosfat (MAP), diamonium fosfat (DAP), dricon dan borax asid borik (BBA) telah dimasukkan ke dalam papan lapis melalui

a mulch and also growth media for germinating grass or natural vegetation. They have been used extensively especially along highways where controlling soil surface erosion. In Malaysia, oil palm EFB has been used for making natural fibre geotextiles. However, its performance in supporting grass growth was inferior to coconut fibremats, which have been widely accepted worldwide as a material in natural fibre geotextiles.

A study was conducted in FRIM with the aim of improving the performance of EFB fibremats in supporting grass growth. Results were promising. Treatments carried out on the fibremats of dimensions 30 x 60 x 1.5 cm included the addition of nutrients, improving the fibre physical properties and the addition of natural growth activator. All treatments enhanced the growth of Bermuda grass. Of the treatments, the addition of natural growth activator resulted in a 95% increase in dry matter weight (DMW) of grass after 4 weeks compared to the control. Addition of nutrients showed increase in DMW in the range of 48-104%. It is anticipated that the use of natural growth activator is more economical and commercially viable compared to the addition of nutrients into the fibremats. Field trials on slopes will be carried out using the improved EFB geotextile to evaluate its performance in controlling surface runoffs as compared to the untreated EFB geotextile.



Ujian rebakan api
Flame spread test

DEVELOPMENT OF FIRE RETARDANT TREATED PLYWOOD

Wood composite panels such as plywood, chipboard, block-board, cement-bonded board and wood-wool slab are widely used in the building industry. They are mainly used for non-structural components such as partition, flooring system and ceiling. Unfortunately, these composite panels,

kaedah rawatan tekanan. Kemasukan bahan kimia yang disasarkan adalah pada julat 50 hingga 80 kg m⁻³. Keputusan ujian sifat fizikal dan mekanikal menunjukkan papan lapis yang dirawat memenuhi Piawaian Pertanian Jepun untuk Papan Lapis (JAS : 2003 MAFF 233). Kadar rebakan api telah meningkat dari kelas 3 kepada kelas 1 untuk kesemua papan lapis yang dirawat.

Dalam ujian perambatan api, papan lapis MSP yang dirawat dengan DAP menghasilkan indeks keupayaan 9.7 yang boleh diklasifikasikan dalam Kelas 0. Rawatan tiga bahan kimia yang lain memenuhi tahap Kelas 1. Papan lapis yang tidak dirawat pula adalah dalam Kelas 2. Berdasarkan keputusan ujian tersebut papan lapis MSP yang dirawat dengan DAP, MAP, BBA dan dricon boleh digunakan sebagai komponen bangunan seperti yang tercatat dalam 'Uniform Building By Law' 1984.

PENGERINGAN KAYU KERAS RINGAN CAMPUR

Terdapat lebih kurang 30 kumpulan kayu keras ringan diniagakan dalam pasaran tempatan. Kadang-kadang sebilangannya dicampurkan sekali, kadang-kadang dicampur dengan kayu ringan kurang terkenal lain, dan diniagakan sebagai 'chap char' atau kayu keras ringan campur. Biasanya, kayu keras ringan digunakan untuk pembuatan produk dalaman seperti perabot. Bagaimanapun, jika produk itu adalah untuk dieksport atau untuk kegunaan di kawasan dalaman yang berhawa dingin, kayu mestilah dikeringkan dengan tanur.

Pada masa sekarang, jadual pengeringan kayu sedia ada yang disyorkan untuk satu-satu kumpulan kayu tidak sesuai digunakan untuk pengeringan kayu campuran. Pelbagai pendekatan dikaji dan ujian pengeringan dijalankan terhadap kayu keras ringan campuran dengan menggunakan tanur pengeringan stim konvensional. Untuk menyenangkan penggunaan di tapak, pengasingan kayu keras ringan kepada tiga kelompok pengeringan dicadangkan (berketumpatan ringan, sederhana dan berat) berdasarkan ketumpatan dan kumpulan kayu tersebut. Dengan menggunakan jadual pengeringan terbitan yang berkenaan, masa pengeringan untuk kelompok masing-masing ialah 4, 7 dan 12 hari dari kayu berkeadaan basah hingga 12% kandungan

being combustible in nature, do not meet some of the fire safety requirements. The fire performance of untreated plywood is more or less equal to solid wood, i.e. it carbonizes at the rate of 0.6 mm per minute and generally has a flame spread rating of Class 3.

In this study, Meranti sarang punai (MSP) plywood was treated with fire retardant chemicals. Monoammonium phosphate (MAP), diammonium phosphate (DAP), dricon and borax boric acid (BBA) were impregnated into the plywood using the pressure treatment method. The targeted chemical loadings were in a range between 50 and 80 kg m⁻³. Results of physical and mechanical properties indicated that treated MSP plywood met the Japanese Agriculture Standard for Plywood (JAS : 2003 MAFF 233). The flame spread rating had improved from Class 3 to Class 1 for all the treated MSP plywood.

In the fire propagation test, MSP plywood treated with DAP had the highest performance index of 9.7 which can be classified Class 0. The other three chemicals tested fall into Class 1. Untreated MSP plywood falls into Class 2. Based on these results, MSP plywood treated with DAP, MAP, BBA and dricon can be used for building components as stated in Uniform Building By Law 1984.

DRYING MIXED LIGHT HARDWOODS

There are some 30 light hardwood groups traded locally. At times, some are lumped together, sometimes with other lesser-known timber, and traded as "chap char" or mixed light hardwoods. Normally, light hardwoods are used for making indoor products such as furniture. However, if the end product is meant for export or used in air-conditioned indoor environment, it is essential to kiln-dry the timber.

At present, the recommended drying schedules for a single timber-group drying are not suitable for the mixed charge drying. Various approaches were evaluated and drying trials were conducted using the conventional steam heated kiln for the drying of mixed light hardwoods. For ease of implementation at site, segregation of light hardwoods into three drying groups (low, medium and high density) based on basic density is

lembapan dapat dicapai. Memandangkan pembentukan kecacatan pengeringan meningkat dengan pengeringan kayu campur, pemantauan yang rapi sepanjang proses pengeringan amat penting.

PENGERINGAN KAYU GETAH MENGGUNAKAN SUHU TINGGI

Penggunaan sistem pengeringan suhu tinggi secara komersial bagi kayu-kayan keras Malaysia masih belum diketahui. Walau bagaimanapun, permintaan terhadap proses ini daripada pengeksport, pengeluar serta pengusaha tanur telah mendorong FRIM untuk menyiasat pelbagai aspek teknikal terhadap reka bentuk dan instrumentasi kawalan sistem untuk membangunkan suatu proses pengeringan suhu tinggi yang berkesan untuk mengeluarkan kayu gergaji kering-tanur yang berkualiti daripada kayu getah khususnya, dan kayu-kayan keras Malaysia yang berketumpatan rendah ke sederhana umumnya, yang sesuai untuk pemprosesan hiliran.

Sebuah prototaip sistem pengeringan suhu tinggi bersaiz komersial telah direka bentuk dan disuai-pasang pada pertengahan tahun 2005. Usaha R&D fasa pertama FRIM telah dijalankan dengan jayanya dan hasil kajian menunjukkan bahawa kayu getah hanya memerlukan satu perlima daripada masa pengeringan konvensional untuk dikeringkan. Secara keseluruhannya, mutu kayu yang dihasilkan adalah memuaskan dengan kestabilan dimensi yang lebih baik. Fasa akhir kajian yang melibatkan pelbagai penyesuaian



Sebuah prototaip sistem pengeringan suhu tinggi
A commercial prototype of the HTD system



Pengeringan kayu keras ringan campur di dalam pengering eksperimen
Drying of mixed light hardwood in an experimental dryer

proposed. By using the appropriate derived drying schedules for these drying groups, the drying times for the respective groups were 4, 7 and 12 days from green to about 12% moisture content could be achieved. As the occurrence of drying defects may increase with mixed timber-groups drying, regular monitoring during the drying process is important.

HIGH TEMPERATURE DRYING OF RUBBERWOOD

The commercial use for high temperature drying (HTD) for Malaysian hardwoods is still unknown. However, the interest in this process arising from enquiries of exporters, manufacturers and kiln operators had prompted FRIM to investigate the various technical aspects of system design and control instrumentation. The investigation is also aimed to find out whether an effective HTD process could be developed for high throughput of quality kiln dried lumbers from rubberwood and other lower to medium density range Malaysian hardwoods, suitable for downstream processing.

A commercial prototype of the HTD system was designed and installed in 2005. The first phase of the FRIM's R&D effort has been successfully carried out and results showed that rubberwood required only one-fifth of the time to dry as compared to the conventional kiln. The quality of timber was generally good and offered better dimensional stability. The final phase involving various hardware inter-phasing and control instrumentation for a full-fledged commercial size HTD system has been completed and the system is currently undergoing 'dry' testing. To-date, two rubberwood-based manufacturers have indicated their intention to

perisian keras serta instrumentasi kawalan untuk sistem pengeringan suhu tinggi telah selesai dan pengujian keberkesanan untuk operasi sistem ini sedang dijalankan. Setakat ini, dua pengeluar yang berasaskan kayu getah telah menyatakan hasrat mereka untuk memproses stok kayu getah berdimensi untuk pengeluaran perabot berdasarkan hasil inovasi FRIM. Pada dasarnya, mereka telah bersetuju untuk menggunakan sistem pengeringan suhu tinggi ini di kilang masing-masing sementara perbincangan tentang reka bentuk dan aspek kewangan tentang pemindahan teknologi ini diteruskan.

Projek ini telah menerima Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama antara Sektor Awam dengan Sektor Swasta (AIPB) 2005, pingat emas dalam Malaysia Technology Expo 2006 (Kategori: Alam Sekitar, Tenaga and Perlindungan), pingat emas dalam ITEX 2006 (Kategori: Proses Pengeluaran/ Perkilangan) dan Anugerah Penyelidikan Terbaik FRIM 2006.

KEMBARA PEMBANGUNAN AGEN ANTI-MRSA

Staphylococcus aureus ialah sejenis bakteria oportunistik penyebab pelbagai jenis jangkitan; daripada jangkitan yang kecil seperti jerawat sehinggalah kepada yang lebih teruk dan boleh membawa maut seperti keracunan, jangkitan luka, pneumonia dan sindrom renjatan toksik. Evolusi berterusan sifat rintang pada *S.aureus* mewujudkan isolat-isolat rintang pelbagai dadah yang lebih dikenali sebagai *multidrug resistant S.aureus* (MRSA) atau 'superbug'. Di Amerika sahaja, kos intervensi yang diperlukan bagi jangkitan bakteria rintang pelbagai dadah mencecah USD4 hingga 5 bilion setahun.

Inisiatif untuk membangunkan agen anti-MRSA di kalangan penyelidik Bahagian Tumbuhan Ubatan bermula dengan satu pencerakinan yang mudah iaitu cakera-resapan agar. Sehingga kini sebanyak 11 pencerakinan berbeza yang lebih rumit telah berjaya diwujudkan bagi memantapkan usaha menilai tumbuhan tropika yang berpotensi sebagai agen perencat MRSA. Menjangkakan penularan isolat *S. aureus* sederhana rintang atau lebih teruk lagi, rintang terhadap Vancomycin (VISA dan VRSA) potensi perencatan formulasi biasanya dibandingkan dengan potensi perencatan vancomycin bagi mengenal pasti formulasi berpotensi antiVISA dan

process rubberwood for furniture production using FRIM's innovation. They have in principle agreed to adopt the HTD system in their respective mills pending further discussions on the design and mode of financial arrangement.

This project was awarded the 'Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama antara Sektor Awam dengan Sektor Swasta 2005' (Category: R&D Collaboration with Private Sector), gold medal award in Malaysia Technology Expo 2006 (Category: Environment, Energy and Protection), gold medal award in ITEX 2006 (Category: Manufacturing Process) and FRIM's Best Research Award 2006.



Sampel kayu getah untuk pengeringan
Rubberwood samples prepared for drying


ANTI-MRSA AGENT DEVELOPMENT ODYSSEY

Staphylococcus aureus is an opportunistic bacterium that can cause various types of infections from mild skin infections such as acne to serious conditions such as food poisoning, wound infections, pneumonia, and toxic shock syndrome. Multidrug Resistant *Staphylococcus aureus* (MRSA) or the 'superbug' meanwhile is a result of continuous evolution on the resistance trait amongst this bacterium. These super bugs amongst other multidrug resistant bacteria are costing the American Health Industry USD4 to 5 billion per annum.

*The initiative to develop anti-MRSA agents at the Medicinal Plants Division in FRIM began with a simple disc-diffusion assay. To-date, eleven more advanced assays have been established to screen tropical plants for potential anti-MRSA agents. Anticipating the widespread presence of vancomycin intermediate *S. aureus* (VISA) or the more dangerous Vancomycin Resistant *S. aureus**



Beberapa ekstrak tumbuhan yang disaring untuk mendapatkan ciri-ciri anti-MRSA
Some of the plant extracts screened for their anti-MRSA properties



Dua sebatian fito dinilai melalui cerakinan "checkerboard"
Two phyto-compounds evaluated via the 'checkerboard' assay

anti-VRSA sebagai suatu persediaan awal untuk berhadapan dengan isolat-isolat tersebut.

Hampir 500 ekstrak dan juga bahan fitokimia telah berjaya dikaji. Enam rumusan telah menunjukkan potensi perencatan yang ketara terhadap isolat-isolat MRSA pada pelbagai tahap kerintangan terhadap vancomycin. Rumusan tersebut sedang dinilai dari aspek farmakodinamikanya bagi menentukan regim dos terapeutiknya.

GARCINIA ATROVIRIDIS PADA DIMENSI BARU

Garcinia atroviridis atau Asam gelugor secara tradisinya digunakan sebagai perasa di dalam makanan. Kepingan kering ini digunakan secara terus di dalam masakan. Ia juga digunakan untuk merawat batuk dan sakit tekak serta mengawal berat badan.

Analisis kimia menunjukkan ekstrak buahnya mengandungi beberapa bahan kimia yang berpotensi untuk dijadikan produk kesihatan. Asid Hidroksisitrik (HCA) didapati berkesan dalam mengawal berat badan. Bagi mendapatkan HCA dalam kuantiti yang banyak, pemprosesan berskala besar-besaran telah dijalankan.

Di pusat pemprosesan, buah diasingkan mengikut gred. Air mentah digunakan untuk pembersihan dan dibilas dengan air bertapis bagi mengurangkakan pencemaran. Buah segar yang bersih ini dibiarkan seketika sebelum dipotong dalam bentuk kepingan (ketebalan 1-3 mm) menggunakan mesin pemotong.

(VRSA) isolates amongst the existing MRSA isolates, these assays on selected tropical plants have also been used to identify potential anti-VISA and anti-VRSA formulations as an early measure.

Currently up to 500 extracts and/or phyto-compounds have been evaluated. Six formulations have showed potential against MRSA isolates with varying degrees of resistance to Vancomycin. The formulations are now undergoing pharmacodynamic assessments to partially ascertain the therapeutic dose regime.

GARCINIA ATROVIRIDIS ON NEW DIMENSION

Garcinia atroviridis or Asam gelugor is traditionally used in flavoring food. Dried fruit slices are used as food additives. It is used to treat coughs and sore throats. It is also used for controlling body weight.

Chemical analysis of its fruit extract showed a number of chemical compounds with great potential to be developed into health products. Hydroxycitric acid (HCA) has been found to be effective in weight maintenance. In order to obtain HCA in large quantities, a pilot-scale processing of Asam gelugor is currently underway.

In the processing center, fruits are separated according to grade and cleaned. Raw water is used for cleaning with final rinsing using Reverse Osmosis water to reduce contamination. Cleaned fruits are left to dry and are then cut into slices of 1-3 mm thickness using a cutter machine. The moisture content in these small pieces is about

Kandungan lembapan kepingan-kepingan nipis ini ialah 50-70% air. Kepingan akan dimasukkan ke dalam bekas berisi air bersuhu 40-45 °C selama 10-15 minit bagi menyekat aktiviti enzim. Kepingan ini dimasukkan di dalam alat pengering sehingga kandungan lembapan mencapai 10%. Kepingan yang sudah kering dimasukkan ke dalam bekas bertutup dan disimpan di dalam bilik sejuk.

Sebelum proses pengekstrakan, buah yang telah kering dihancurkan kepada saiz 5-10 mm bagi mengoptimumkan interaksi dengan pelarut. Pengekstrakan merupakan proses yang terpenting dalam penghasilan ekstrak piawai asam gelugor. Di Pusat Teknologi Herba (HTC), proses pengekstrakan HCA menggunakan *Extractor* berdasarkan parameter yang telah ditetapkan dalam kajian yang terdahulu. Parameter atau keadaan operasi yang utama termasuklah pelarut, sukatan nisbah jisim bahan dengan pelarut, saiz partikel pulpa buah, suhu dan tempoh.

Selepas proses pengekstrakan, campuran sampel dan pelarut akan dikeluarkan daripada vesel utama dan dicurahkan ke dalam penapis. Larutan ekstrak akan dipam semula ke dalam vesel utama dan dicurahkan semula ke atas sampel yang tidak larut tadi. Proses ini dijalankan sebanyak tiga kali supaya partikel yang tidak larut dibuang sepenuhnya sebelum larutan ekstrak ini disalurkan ke mesin *Evaporator*. Sementara itu, sampel ini akan menjalani proses pemerahan untuk mendapatkan kembali ekstrak menggunakan alat pemerah iaitu *Screw Press Machine*. Proses pemerahan dibuat sehingga kandungan ekstrak dalam residu menurun sehingga 5-10%. Proses pemekatan sampel larutan ekstrak ini adalah untuk meningkatkan kandungan padu larutan ekstrak daripada 2-3% kepada 20-30%.



Tunas dan bunga Asam gelugor
Buds and flower of Asam gelugor



Buah Asam gelugor yang muda dan yang matang
Young and mature fruits of Asam gelugor

50-70% wt/wt. Sliced fruits are soaked in warm water (40-45°C) for 10-15 minutes to stop enzyme activity. They are then oven-dried until the moisture content is 10%. Dried fruit slices are kept in closed container and stored in a cold room.

Before the extraction process, dried fruits are ground to a particle size of 5-10 mm to optimize the interaction with the solvent. The extraction process is the most important step in the production of standardized extracts of Asam gelugor. HCA, the targeted chemical compound is extracted in an Extractor, situated at FRIM's Herbal Technology Center (HTC) using parameters set in previous studies. The parameters or key operating conditions include solvent, ratio of sample to solvent, particle size of fruit pulp, temperature, and duration.

When extraction is completed, the mixture is discharged from the main vessel into a filter basket to separate the residual particles. The filtrate is pumped back into the main vessel and then discharged again from the main vessel. The step is repeated three times so that the residual particles can be removed thoroughly. The filtrate is then concentrated using an Evaporator. Meanwhile the residues which still contain a certain amount of extract is pressed to recover the extract. This process is carried out using a Screw Press Machine until the moisture content of the residues reaches 5-10% wt/wt. The concentration of filtrate with the Evaporator increases the solid content of the extract from 2-3% to 20-30%.

The concentrated extract is then dried till 4% moisture content using a Freeze Dryer. The dried extract in the form of a cake is then ground with a Particle Size Reducer to produce a fine powder. The powder is then sent to the Quality

Larutan ekstrak pekat akan dikeringkan sehingga 4% kandungan lembapan menggunakan Freeze Dryer. Ekstrak berbentuk kekering ini dihancurkan menggunakan alat pengisar untuk membentuk debu halus. Sedikit sampel kering ekstrak ini dihantar ke Makmal Kawalan Kualiti bagi menentukan penanda kimia, bioaktiviti dan ketoksikan. Ekstrak piawai ini boleh digunakan untuk merumus produk-produk lain seperti produk farmaseutikal, minuman, dan perasa makanan. Nova Laboratories Sdn. Bhd. dengan kerjasama FRIM sedang memasarkan produk ini dan telah mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Kesihatan.



Produk-produk dari Makmal Nova yang menggunakan ekstrak Asam gelugor
Some products from Nova Laboratories using Asam gelugor extracts

SEBATIAN ANTIBAKTERIA DARIPADA KULAT BASIDIOMISET YANG DIKAITKAN DENGAN PENYAKIT TUMBUHAN

Basidiomiset ialah satu kumpulan kulat yang besar yang merangkumi cendawan, karat dan jelaga. Beberapa spesies kulat basidiomiset telah digunakan secara tradisi sebagai makanan tambahan dan ubatan. Di samping khasiat nutrien yang kaya dan ciri-ciri meninggikan sistem tahan diri, basidiomiset juga merupakan sumber antibiotik semula jadi yang kaya. Metabolit-metabolit sekunder yang dirembeskan secara ekstraselular oleh sesetengah spesies basidiomiset boleh bertindak ke atas bakteria, virus dan mikroorganisma yang lain. Sesetengah daripada metabolit tersebut berkemungkinan mengandungi sebatian-sebatian bioaktif baru yang boleh dimajukan menjadi ubatan untuk kegunaan klinikal.

Potensi spesies basidiomiset yang lain untuk penghasilan antibiotik masih belum ditentukan.

Control Laboratory for analysis of its chemical marker, bioactivity and toxicity. This powder is a standardized extract of Asam gelugor that can now be formulated into a wide range of products such as pharmaceuticals, drinks and food flavours. Nova Laboratories Sdn. Bhd., in collaboration with FRIM, is now marketing some of these products. The products have received approval from the Ministry of Health Malaysia.




Pengekstrak untuk menghasilkan ekstrak Asam gelugor
Extractor for producing Asam gelugor extracts

ANTIBACTERIAL COMPOUNDS FROM BASIDIOMYCETE FUNGI ASSOCIATED WITH PLANT DISEASES

Basidiomycetes are a large group of fungi, which includes the mushrooms, bracket fungi, rusts and smuts. Some species of basidiomycete fungi have been traditionally used as food supplements and medicine. Besides their rich nutritional value and immune enhancing properties, basidiomycetes are also a rich sources of natural antibiotics. Many secondary metabolites are secreted extracellularly by some species of basidiomycetes to combat bacteria, viruses and other microorganisms. Some of these metabolites may contain novel bioactive compounds that can be developed into clinically useful drugs.

The potentiality of bioactive compounds produced by many species of basidiomycetes has not been determined. For this reason, basidiomycete fungi associated with plant root diseases were studied for antibacterial activity by researchers at the Proteomic Centre, FRIM in a collaborative research effort with Nimura Genetics Solutions (NGS) Sdn. Bhd. The fungal isolates were obtained from FRIM Pathology Laboratory collection. A total of 112 extracts produced from fermentation culture broth of these fungal isolates, were tested for anti-bacterial activity against Staphylococcus aureus and Bacillus subtilis

Untuk tujuan ini, penyelidik-penyelidik di Pusat Proteomik, FRIM dengan usaha sama Syarikat Nimura Genetics Solutions (NGS) Sdn. Bhd., telah mengkaji kulat-kulat basidiomiest yang dikaitkan dengan penyakit akar tumbuhan untuk aktiviti antibakteria. Pencilan kulat tersebut telah diperoleh daripada koleksi Makmal Patologi FRIM. Sejumlah 112 ekstrak yang dihasilkan daripada kultur fermentasi kulat telah diuji untuk aktiviti antibakteria terhadap *Staphylococcus aureus* dan *Bacillus subtilis* dengan menggunakan 'microtiter plate assay'. Daripada sejumlah 10 ekstrak yang beraktiviti tinggi, satu ekstrak telah menunjukkan kesan yang menarik dalam 'target-directed enzyme inhibitory assay'. Ekstrak yang terpilih itu dihasilkan daripada pencilan kulat FRIM550 yang telah dipencilkan daripada akar pokok *Acacia mangium* yang berpenyakit. Sistem-sistem enzim yang spesifik dalam bakteria telah dikenal pasti sebagai sasaran yang berpotensi bagi tindakan intervensi oleh ubat-ubatan antibakteria. Oleh itu, pencilan FRIM550 mempunyai potensi untuk dikaji bagi menentukan metabolit-metabolit kulat yang aktif terhadap sasaran-sasaran enzim bakteria yang penting. Kajian lanjutan ke atas ekstrak dan fraksi-fraksi bioaktif HPLC yang dihasilkan oleh pencilan kulat tersebut sedang dijalankan.




'Microtiter plate assay' dalam ujian aktiviti antibakteria daripada ekstrak kulat
Microtiter plate assay in antibacterial activity testing from fungal extracts

using microtiter plate assay. Out of 10 extracts that showed strong antibacterial activity, one exhibited interesting effects in a target-directed enzyme inhibitory assay. The extract of interest was produced by a fungal isolate, FRIM550, which was isolated from diseased roots of Acacia mangium. Specific enzyme systems of bacteria have been recognized as potential drug targets for antibacterial intervention. Therefore, isolate FRIM550 is worth studying further for potential fungal metabolites active against important bacterial enzyme targets. Further studies on the extract and bioactive HPLC fractions produced by the fungal isolate are in progress.



Kultur miselia pencilan kulat FRIM550
Mycelial culture of fungal isolate FRIM550



Kromatogram bagi fraksi HPLC ekstrak kulat
Chromatogram of HPLC fractions of fungal extracts

TRANSFORMASI GENETIK BAGI JATI YANG RINTANG TERHADAP SERANGGA

Tectona grandis atau Jati merupakan spesies balak yang bermutu tinggi serta menjadi saranan untuk program penghutan semula. Serangan serangga perosak terutamanya larva *Paliga damastesalis* terhadap tanaman pokok jati merupakan ancaman utama dalam perladangan Jati. Masalah tersebut diatasi dengan cara penyemburan racun *Bacillus thuringiensis* komersial tetapi keberkesanannya amat terhad. Penghasilan pokok Jati yang rintang terhadap serangga melalui teknologi kejuruteraan genetik diharap boleh mengatasi masalah tersebut. Unit Genetik, FRIM telah menjalankan kajian pembangunan sistem transformasi untuk penambahbaikan pokok jati yang rintang terhadap serangan larva *Paliga damastesalis*.

Keputusan transformasi plasmid pCAMSB1 yang membawa gen *gus* dan *cry1A(b)* melalui kaedah pembedilan ke dalam tisu jati (segmen nodal) telah berjaya dilakukan. Gen *gus* merupakan gen penanda manakala gen *cry1A(b)* gen yang dipencilkan daripada *Bacillus thuringiensis*, yang mengekodkan protein insektisidal dan bertindak dalam pengawalan serangan serangga perosak.

Analisis PCR untuk gen *gus* di peringkat *in vitro* dan *cry1A(b)* di peringkat tapak semaian telah dilakukan ke atas pokok jati transforman putatif. Fragmen bersaiz 789 bp untuk gen *gus* dan 746 bp untuk gen *cry1A(b)* telah berjaya diampifikasikan pada sebahagian pokok transforman. Keputusan penghibridan PCR-Southern telah mengesahkan identiti kedua-dua gen tersebut dan pengesahan GUS pula menunjukkan kehadiran mendakan biru di dalam tisu daun yang dikaji. Keputusan bioasai menunjukkan 32-39% permukaan daun kawalan mengalami fenomena *skeletonisation* manakala daun kimerik hanya 3-8% sahaja. Larva yang memakan daun kawalan membesar sehingga 13-18 mm manakala yang memakan daun kimerik hanya antara 5-8 mm.

GENETIC TRANSFORMATION FOR INSECT RESISTANT TEAK

Tectona grandis, locally known as Jati, produces quality timber and is recommended for reforestation. Insect attack especially *Paliga damastesalis* larvae remains the most important threat to teak plantations. The spraying of commercial *Bacillus thuringiensis* has been a common practice in addressing minor outbreaks but with limited effectiveness. It is desired that this problem be overcome by producing insect resistant teak through genetic engineering. FRIM's Genetic Unit has developed a transformation system for teak resistance to *Paliga damastesalis* larvae.

Results demonstrated the success of transformation of teak tissues (nodal segments) with pCAMSB1 plasmid carrying *cry1A(b)* and *gus* genes by bombardment method. *Gus* gene is a marker gene while *cry1A(b)* gene originates from *Bacillus thuringiensis*, coding insecticidal protein and is known to enhance plant protection against insect.

PCR analysis for *gus* and *cry1A(b)* genes was carried out on the putative transformed teak. The expected fragments of 789 bp for *gus* gene and 746 bp for *cry1A(b)* gene were successfully amplified from some of the transformants. PCR-Southern hybridization confirmed the presence of these genes in the positive transformants with GUS assay exhibiting blue color in the leaf tissues. Bioassay results showed that 32-39% of the control leaf's was skeletonized whilst chimeric leaf showed only 3-8% damage. Larvae feeding on the control leaf was 13-18 mm in size, while those feeding on the chimeric leaf were only 5-8 mm.

HERBARIUM FRIM DAN TAMAN BOTANI KEPONG

FRIM HERBARIUM AND THE KEPONG BOTANIC GARDENS

HERBARIUM FRIM

Di peringkat awal, herbarium FRIM bermula dengan hanya kira-kira 2,900 koleksi, iaitu 70% daripadanya merupakan spesies yang dikenali. Herbarium ini menerima sumbangan spesimen dari pelbagai herbarium di rantau ini seperti herbarium di Bangkok, Singapura dan Kew sebagai tambahan kepada koleksi yang sedia ada.

Herbarium FRIM telah berkembang dengan pesatnya. Sebelum Perang Dunia Kedua, sejumlah 39,582 koleksi dicatatkan dan ini merupakan koleksi yang penting dari pelbagai tempat di Semenanjung Malaysia, Borneo dan Asia Tenggara. Ekspedisi ke Cameron Highlands, Hutan Simpan Keledang Sayong di Kinta di Perak, Gunung Tapis di Pahang, Gunung Stong dan Gunung Sagi di Kelantan telah diadakan bagi mendapatkan spesies tumbuhan yang dapat mewakili secara menyeluruh di rantau ini. Lawatan untuk mengutip Dipterocarpaceae di Indochina dan tumbuhan lain di Brunei dan Borneo juga diadakan pada 1931 dan tahun-tahun yang berikutnya.

Selepas perang sehinggalah ke hari ini, koleksi diteruskan dan bilangan spesimen di Herbarium Kepong kini berjumlah lebih daripada 300,000 dan merupakan herbarium yang ketiga terbesar di Asia Tenggara. Pihak Herbarium FRIM turut berhubung dengan herbarium dan institusi penyelidikan lain di dunia. Hubungan serta kerjasama penyelidikan



Pengutipan tumbuhan di Tasik Kenyir
Plant collection in Tasik Kenyir

FRIM HERBARIUM

In the early years of the institution, the herbarium began as a small collection of about 2,900 items of which 70% were of known species. Contributions from the various herbaria in the region such as the herbarium in Bangkok, Singapore and Kew were received to augment the existing collection.

Over the years, the herbarium of the institute has grown substantially. Before the Second World War, a total of 39,582 acquisitions were recorded and these were from significant collections from various parts of Peninsular Malaysia, Borneo and South East Asia. Field expeditions to the Cameron Highlands, Keledang Sayong Reserve in Kinta in Perak, Gunung Tapis in Pahang, Gunung Stong and Gunung Sagi in Kelantan were made so that a comprehensive representation of the plant species in this region would be created. Collection visits of Dipterocarpaceae in Indochina and other plants in Brunei and Borneo were also made in 1931 and the following years.

After the war, and up to the present, acquisitions have continued and the number of items in the Kepong herbarium stands at more than 300,000 specimens and is currently the third largest in Southeast Asia. Significant contacts have also been made with other herbaria and research institutions the world over. Such contacts and collaborative studies have made the herbarium at FRIM an important factor in taxonomic studies of tropical plants.

In order to enhance the work of the herbarium, a new facility has begun to be constructed housing the Tropical Forest Biodiversity Centre (TFBC). The herbarium is located in the TFBC. The construction of this new complex started in October 2006 and is expected to be completed by December 2007. Located at the Jelutong Avenue in the FRIM campus, the complex comprises Blocks A and B (two and three storey, respectively) interconnected by a corridor.

menjadikan herbarium di FRIM sebagai faktor yang penting dalam kajian taksonomi tumbuhan tropika.

Bagi meningkatkan kerja-kerja di herbarium, sebuah bangunan Pusat Biodiversiti Hutan Tropika sedang dibina. Herbarium akan ditempatkan di pusat ini. Pembinaan kompleks baru ini telah bermula pada bulan Oktober 2006 dan dijangka siap pada disember 2007. Terletak di Jalan Jelutong, FRIM, kompleks ini mengandungi Blok A dan Blok B (masing-masing dua dan tiga tingkat) yang bersambung melalui sebuah koridor. Dengan keluasan 3,600 m², kompleks ini akan menempatkan unit-unit penyelidikan botani, zoologi dan pemuliharaan. Herbarium Kepong yang juga merupakan Herbarium Negara Malaysia akan ditempatkan di Blok B.



Tapak bangunan Pusat Biodiversiti Hutan Tropika
Construction site of Tropical Forest Biodiversity Centre

TAMAN BOTANI KEPONG

Taman Botani Kepong merupakan antara projek arboretum yang besar. Pada awalnya, kawasan Institut ditanam dengan pelbagai spesies tumbuhan dan ini merupakan permulaan kepada arboretum yang ada sekarang. Pada 1929, penanaman bermula dengan 12,291 anak benih diperoleh dari belukar atau di hutan sekunder serta kawasan kebun sayur yang terbiar.

Beberapa tahun selepas penubuhan FRIM arboretum Dipterokarpa dan bukan-Dipterokarpa telah ditubuhkan. Sehingga kini, terdapat tujuh tema koleksi tumbuhan hidup (arboretum) di FRIM yang mengandungi lebih 900 spesies tumbuhan asli dan eksotik yang telah didokumenkan sepenuhnya. Koleksi arboretum ini menjadikan asas yang kuat bagi penubuhan Taman Botani Kepong di FRIM.

Pada tahun 2006, pelbagai usaha telah dilakukan untuk membangunkan Taman Botani Kepong. Aktiviti infrastruktur termasuk pembangunan di pintu masuk utama, tempat letak kereta bertar serta landskap dengan pelbagai pokok palma



Mengkaji ciri-ciri morfologi sampel tumbuhan
Checking morphological characters of plant samples

With a total floor space of about 3,600 m², the complex will house the research units of botany, zoology and conservation. The Kepong Herbarium, which serves as the National Herbarium of Malaysia, will be located in Block B.

KEPONG BOTANIC GARDENS

